

# Tun Dr Ismail dianggap pemimpin Melayu moden

BH- 23/3/2007

Oleh Srihanasham Noordin

**J**OHOR BAHRU: Jasa dalam membangunkan negara yang dicurahkan Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail Abdul Rahman diabadikan dalam buku biografinya, *Bukan Kerana Pangkat - Tun Dr Ismail dan Masanya*.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam, berkata antara jasa Dr Ismail di negeri ini adalah pembinaan Pelabuhan Johor dan Lapangan Terbang Sultan Ismail (LTSI) di Senai.

"Apa yang kita nikmati hari ini adalah sebahagian daripada apa yang beliau sediakan. Sebagai pemimpin Melayu, beliau moden dan sentiasa suka untuk berkembang maju. Beliau bukan Melayu lama walaupun tinggal dalam era itu yang tradisional dan konservatif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan buku itu di

Teluk Danga, di sini, semalam.

Musa berkata, beliau kagum dengan Dr Ismail dan menjadikannya inspirasi serta idola dalam meniti kerjayanya, malah, Allahyarham sering memberi galakan untuk sentiasa memajukan diri dalam politik.

Sehubungan itu, katanya, beliau menyarankan semua ahli politik dan pemimpin negara membaca biografinya.

"Pada saya, membaca buku membawa banyak nostalgia. Generasi baru perlu membaca

buku ini untuk memahami dan menghargai sejarah penting negara serta pengorbanan Dr Ismail," katanya.

Buku biografi mengenai Dr Ismail yang meninggal dunia akibat serangan jantung pada 2 Ogos 1973 itu ditulis berdasarkan koleksi kertas peribadi beliau serta wawancara dengan saudara dan mereka yang mengenali Allahyarham.

Penulis buku itu, Ooi Kee Beng turut menemuramah Tun Ghafar Baba, Musa, Tengku Razaleigh Hamzah, Lee Kuan Yew dan Robert Kuok dalam proses menghasilkan biografi itu.

Sementara itu, Ooi berkata, antara yang diberi penekanan dalam buku itu ialah hubungan Malaysia dan Singapura, asal usul falsafah serantau Asia Tenggara, konflik dalam Umno, hubungan MCA-Umno, rusuhan 13 Mei 1969 dan Dasar Ekonomi Baru.

Buku setebal 300 muka surat yang diterbitkan Institut Kajian Asia Tenggara itu dijual pada harga RM40 dan RM80.

## FAKTA NOMBOR

Buku biografi Tun Dr Ismail

300

Muka surat

RM40

Harga buku